



The Observer

26.05.2023

❖ **Anda mahu melabur dalam saham murah?**

Penny stock atau saham murah (di bawah RM1) kini lebih popular berbanding sebelum ini, menarik perhatian pelabur (dan wang mereka) dengan kos kemasukan yang rendah dan prospek keuntungan kewangan yang besar. Kisah-kisah tentang saham yang memperoleh keuntungan melebihi 200% dalam beberapa bulan sahaja menambahkan daya tarikkannya. Kini, teknologi dagangan baharu menjadikannya lebih mudah untuk memasuki pasaran.

Pada kemuncak demam saham murah pada bulan Ogos 2020, tidak jarang berlaku fenomena syarikat tersenarai di Bursa Malaysia mencapai had harga yang dibenarkan. Pada 7 Ogos 2020, harga saham bagi 12 saham telah mencapai had, termasuk HLT Global Bhd, LKL International Bhd dan ES Ceramics Technology Bhd. Ketiga-tiga saham syarikat ini berada di bawah 20 sen pada awal tahun 2020.

Ada beberapa cara berbeza untuk mentakrifkan saham murah di Malaysia. Ia dipanggil saham bermodal kecil kerana permodalan pasarannya yang rendah, contohnya, kurang daripada RM200 juta. Selalunya, saham murah dikaitkan dengan prestasi kewangan yang tidak menentu. Kebanyakan syarikat-syarikat ini dalam posisi rugi dan tidak menawarkan pembahagian dividen kepada pemegang saham.

Saham murah dianggap sebagai pertaruhan berisiko tinggi yang menjanjikan pulangan yang lumayan. Pelabur tertarik untuk membeli saham murah disebabkan harganya yang rendah. Mereka mengharapkan keuntungan yang besar walaupun berdepan risiko yang tinggi.

Harga saham yang rendah serta kecairan yang rendah bermaksud turun naik yang tinggi dan oleh itu lebih banyak peluang untuk mengaut keuntungan yang besar atau mengalami kerugian yang besar. Seorang pedagang berpotensi memperoleh kira-kira 20% - 30% dalam keuntungan intra hari.

Cara mengenal saham murah

Antara ciri tipikal saham murah termasuklah:

- Syarikat kecil
- Ketidaktentuan harga yang tinggi
- Amat terdedah kepada aktiviti spekulatif
- Syarikat yang tidak/ belum terbukti prestasinya, tidak telus
- Rekod prestasi kewangan yang turun naik

Adakah anda patut melabur dalam saham murah?

Anda boleh mempertimbangkan untuk melabur dalam saham murah jika:

- Anda mempunyai tahap toleransi terhadap risiko yang tinggi.
- Anda pelabur yang berpengalaman.
- Anda bersedia mengurangkan kerugian jika harga saham menjunam.
- Anda mempunyai rangka masa pelaburan yang panjang dan sanggup mengharungi segala ketidakpastian.
- Anda tidak kisah jika terpaksa mempertaruhkan wang di pasaran saham.

Jika anda berminat untuk melabur dalam saham murah di Malaysia, berikut adalah beberapa tip untuk membantu anda bermula.

1. Buatlah kajian anda.
Langkah ini penting untuk semua jenis pelaburan, terutamanya pelaburan berisiko tinggi seperti saham murah. Saham cip biru (saham mewah) lazimnya menjadi pilihan yang berisiko rendah kerana syarikat-syarikat ini mempunyai rekod prestasi kewangan yang kukuh.
2. Rancang strategi anda dan berpegang padanya.
Sebelum anda mula membeli, tentukan saham murah pilihan anda dan berapa banyak yang anda akan laburkan dalam setiap satu. Anda juga perlu menentukan harga yang anda akan jual jika harga saham jatuh dan berpegang pada pendirian anda bagi mengelakkan mentaliti "Aku boleh bertahan sedikit lagi, mudah-mudahan harganya melonjak semula". Gunakan pendekatan yang sama untuk keuntungan.
3. Jangan buat keputusan berdasarkan emosi.
Pelabur mudah terikat secara emosi dengan saham murah kerana saham ini sering dilabelkan sebagai 'underdog' (bukan saham terpilih) dalam portfolio. Oleh itu, apabila harga saham ini jatuh dan terus menurun, seorang pelabur mungkin memberikan alasan mengapa mereka harus terus memegang saham itu. Inilah kepentingan merangka strategi dan menyingkirkan unsur-unsur emosi daripadanya.
4. Jangan terpengaruh dengan harga yang "murah".
Saham murah mungkin kelihatan "murah" kerana harganya yang rendah berbanding saham lain tetapi usah sandarkan keputusan pelaburan kita semata-mata pada harga saham.

Satu faktor yang mempengaruhi harga saham syarikat ialah penawaran dan permintaan untuk saham tersebut. Jadi, sesetengah saham murah mungkin kelihatan "murah" tetapi anda perlu bertanya kepada diri sendiri mengapa harganya sedemikian.

5. Melaburlah mengikut tahap kemampuan anda.
Memetik kata pepatah, jangan letakkan semua telur anda ke dalam bakul saham murah. Tidak mengapa jika anda laburkan sebahagian pendapatan boleh guna mengikut kemampuan, asalkan tidak mengganggu simpanan persaraan anda.

Kesimpulan

Berdagang dalam saham murah bukan untuk pelabur yang lemah semangat kerana ia datang bersama-sama risiko yang besar. Bakal pelabur perlu berhati-hati serta memahami sepenuhnya pilihan yang berada di depan mata mereka.

Pelabur yang berjaya biasanya sudah berpengalaman dan mempunyai pemahaman yang sofistikated tentang bidang tersebut. Mereka sering membangunkan kaedah analisis yang komprehensif untuk membezakan antara gandum dengan sekam. Mereka mampu menumpukan banyak masa untuk berdagang dan memantau pasaran yang bergerak pantas.

Jika anda baru berjinak-jinak dalam dunia pelaburan, saham murah mungkin bukan untuk anda. Namun jika anda memahami sepenuhnya risiko yang terlibat, anda mampu menguasainya. Natijahnya, semuanya bergantung kepada kemampuan anda untuk membuat keputusan termaklum.

Selamat melabur!

Lee Chee Meng
Pengurus, Pemantauan Korporat

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 29 Mei hingga 2 Jun 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Perkara penting untuk diketengahkan:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
DRB-Hicom Berhad (AGM)	<p>Perolehan Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd. ("CTRM") berjumlah RM560 juta pada tahun 2022, meskipun jumlah ini 45% lebih rendah daripada julat prapandemik. (Halaman 112, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Berapakah jumlah nilai kontrak CTRM yang masih tertunggak setakat ini?</p> <p>b) Seiring dengan kebangkitan semula aktiviti dalam industri penerbangan, berapakah jumlah nilai tender yang dikemukakan untuk segmen aeroangkasa?</p>
CCK Consolidated Holdings Berhad (AGM)	<p>Termasuk dalam aset Kumpulan ialah tanah pegangan bebas dengan jumlah dibawa sebanyak RM936,000 (2021: RM936,000) yang dipegang secara amanah oleh pihak ketiga. (Halaman 84, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Apakah rasional untuk membenarkan tanah pegangan bebas Kumpulan seperti yang dinyatakan di atas dipegang secara amanah oleh pihak ketiga? Siapakah pihak ketiga yang dimaksudkan itu?</p>

<p>Velesto Energy Berhad (AGM)</p>	<p>Kerugian rosot nilai yang dikenakan ke atas penghutang perdagangan bagi tahun 2022 berjumlah RM3.47 juta berbanding RM0.84 juta pada tahun kewangan 2021. (Halaman 198, Laporan Tahunan)</p> <p>Kumpulan mempunyai penumpuan risiko kredit dalam bentuk baki tertunggak daripada 9 (2021: 9) penghutang yang mewakili 94% (2021: 98%) daripada jumlah penghutang perdagangan bersih (Halaman 198, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Sila jelaskan sebab-sebab peningkatan yang ketara dalam rosot nilai ke atas penghutang perdagangan pada tahun kewangan 2022.</p> <p>b) Sila namakan penghutang yang dikenakan caj rosot nilai tertinggi dan kedua tertinggi pada tahun kewangan 2022.</p> <p>c) Adakah Kumpulan berjaya mengutip hutang yang tertunggak daripada penghutang yang dinyatakan dalam (b) di atas selepas tahun kewangan 2022? Jika ya, berapakah jumlah yang dikutip daripada setiap penghutang setakat ini?</p>
<p>CB Industrial Product Holding Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan merekodkan kerugian rosot nilai ke atas penghutang berjumlah RM51.48 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM4.18 juta pada tahun kewangan 2021. (Halaman 86, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Sila jelaskan sebab-sebab di sebalik kerugian rosot nilai yang besar terhadap penghutang ini.</p> <p>Adakah Kumpulan menjangkakan pertambahan terhadap kerugian rosot nilai ke atas penghutang pada tahun kewangan 2023?</p> <p>Apakah kebarangkalian untuk memulihkan penghutang yang dirosot nilai ini dan anggaran jumlah yang boleh dipulihkan, dalam peratus?</p> <p>Adakah mana-mana jumlah penghutang yang dirosot nilai ini berjaya dipulihkan setakat ini?</p>
<p>Citaglobal Berhad (AGM)</p>	<p>Selain pendapatan yang lebih rendah dan kos pembiayaan yang lebih tinggi, yang merupakan penyebab utama kepada penyusutan keuntungan, segmen yang merugikan juga perlu berdepan cabaran untuk mengekalkan kos overhead yang sewajarnya bagi mengurus penetapan harga yang sangat agresif oleh pesaing-pesaing yang lebih kecil. (Halaman 19, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Bagaimanakah Lembaga Pengarah merancang untuk menangani cabaran yang dinyatakan di atas, melangkah ke hadapan?</p>
<p>Techna-X Berhad (AGM)</p>	<p>Pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu iaitu Guangxi Aerospace Bidou New Energy Industry Technology Co., Ltd.,</p>

	<p>("GABNEIT") dan anak syarikatnya masing-masing mencatatkan pendapatan berjumlah RM4.6 juta dan RM4.3 juta pada tahun kewangan 2022 dan 2021.</p> <p>Bagaimanapun, syarikat bersekutu ini mencatatkan peningkatan ketara dalam kerugian iaitu sebanyak RM51.1 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding kerugian sebanyak RM1.2 juta pada tahun kewangan 2021. (Halaman 113, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan CABNEIT dan anak syarikatnya mengalami kerugian besar pada tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Apakah tindakan yang diambil untuk mengawal kerugian CABNEIT dan anak syarikatnya, daripada melaporkan kerugian yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2023?</p> <p>c) Bagaimanakah prospek CABNEIT dan anak syarikatnya pada tahun kewangan 2023?</p>
IHH Healthcare Berhad (AGM)	<p>Inflasi perubatan ialah cabaran global yang dihadapi oleh semua penyedia penjagaan kesihatan dan salah satu cabaran mendesak yang sedang ditangani oleh IHH. IHH mengambil pendekatan melalui penggunaan Hasil yang Didorong Nilai (<i>Value Driven Outcomes, VDO</i>), yang menyediakan hasil klinikal perubatan yang lebih baik atau serupa pada kos yang lebih rendah. Pendekatan ini dilaksanakan dengan menentukan aktiviti, bahan habis pakai dan masa yang digunakan untuk setiap prosedur dan menyisihkan sebarang unsur yang berlebihan bagi mengurangkan saiz bil untuk pesakit. (Halaman 29, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Apakah petunjuk utama di bawah VDO? Apakah tahap kejayaan yang sudah dicapai terutamanya dari aspek mengurangkan saiz bil untuk pesakit yang mungkin dapat meningkatkan daya saing IHH? Berikan juga data sokongan yang berkaitan.</p>
Chin Hin Group Berhad (AGM)	<p>Lembaga Pengarah menzahirkan beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk mengurangkan risiko kecairan kumpulan pada AGM kelapan syarikat itu. Bagaimanapun, setakat 31 Disember 2022, penggearan bersih kumpulan masih kekal tinggi pada 1.10x (2021: 1.12x). Walaupun selepas pelupusan baki kepentingan dalam Solarvest Holdings Bhd pada tahun 2022 yang memperoleh penerimaan sebanyak RM103.28 juta dan RM56.055 juta lagi diperoleh daripada pelaksanaan penempatan persendirian, hutang bersih kumpulan meningkat lagi daripada RM698.4 juta pada 31 Disember 2021 kepada RM734.8 juta pada 31 Disember 2022.</p> <p>a) Memandangkan Chin Hin beroperasi dalam industri kitaran dan berdepan persekitaran operasi yang mencabar, yang merangkumi persekitaran inflasi,</p>

	<p>peningkatan kadar faedah, hartanah tidak terjual dan cabaran ekonomi secara keseluruhan, apakah tindakan yang diambil oleh kumpulan untuk mengurangkan risiko kecairan?</p> <p>b) Apakah tahap penggearan bersih kumpulan yang ditakrifkan sebagai 'selesa' oleh Lembaga?</p> <p>c) Melihat kedudukan kewangan semasa kumpulan, mengapakah syarikat mahu mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk pembelian balik saham?</p>
<p>Subur Tiasa Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Juruaudit luar menarik perhatian kepada Nota 4 dalam penyata kewangan (halaman 61, Laporan Tahunan 2022) yang menunjukkan isu usaha berterusan kerana liabiliti semasa Kumpulan melebihi aset semasanya sebanyak RM378.8 juta pada 31 Disember 2022 (2021: RM393.8 juta). Situasi ini menimbulkan kebimbangan terhadap keupayaan Kumpulan untuk menjana aliran tunai yang mencukupi bagi memenuhi tanggungannya untuk tempoh 12 bulan selepas akhir tempoh pelaporan. Juruaudit juga mempersoalkan kewajaran penggunaan asas usaha berterusan dalam penyediaan penyata kewangan walaupun Kumpulan merekodkan untung bersih berjumlah RM44.7 juta (2021: RM73.0 juta) dan aliran masuk tunai operasi bersih sebanyak RM96.9 juta (2021: RM172.5 juta) dalam tahun kewangan.</p> <p>a) Kumpulan menyediakan unjuran aliran tunai yang disatukan untuk tempoh 12 bulan bagi tahun 2023 untuk menyokong penyata kewangan yang disediakan atas dasar usaha berterusan. Apakah unjuran aliran tunai bagi tahun kewangan 2023 dan apakah andaian yang digunakan?</p> <p>b) Apakah rancangan luar jangka Kumpulan sekiranya aliran tunai daripada segmen perladangan kelapa sawit atau sokongan kewangan daripada bank tidak memenuhi jangkaan?</p>
<p>Duopharma Biotech Berhad (AGM)</p>	<p>Pada tahun 2023, Duopharma Biotech menghadapi cabaran akibat perubahan kawal selia, termasuk kenaikan tarif elektrik untuk operasi komersial dan syarat-syarat bayaran lebih masa untuk pekerja yang berpendapatan RM4,000 dan ke bawah, mengakibatkan implikasi kos yang ketara (Halaman 23, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Apakah jangkaan kenaikan kos bagi perbelanjaan elektrik dan perbelanjaan kakitangan pada tahun 2023? Berapakah unjuran jumlah peningkatan perbelanjaan mengurus pada tahun 2023?</p> <p>b) Apakah strategi yang sudah dirancang untuk menangani tekanan kos ini? Adakah syarikat menjangkakan penjimatan kos untuk perbelanjaan bahan mentah yang disebabkan oleh keadaan pasaran atau</p>

	<p>penambahbaikan operasi? Sila berikan angka atau unjuran khusus untuk pengurangan kos yang dijangkakan.</p>
<p>Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (AGM)</p>	<p>Walaupun untung sebelum zakat dan cukai lebih tinggi dari tahun ke tahun, untung bersih STMKB menyusut sebanyak 23% daripada RM412 juta pada tahun kewangan 2021 kepada RM319 juta. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh perbelanjaan cukai yang lebih tinggi yang disebabkan oleh penganan "Cukai Makmur" tidak berulang yang dikenakan oleh kerajaan persekutuan pada tahun kewangan 2022 untuk keuntungan melebihi RM100 juta.</p> <p>a) Berapakah untung bersih STMKB jika kesan Cukai Makmur dikecualikan?</p> <p>b) Secara amnya, tahun 2022 merupakan tahun yang memberangsangkan bagi bank dan penanggung insurans, yang mana penyambungan semula aktiviti ekonomi membawa kepada permintaan untuk penyelesaian kewangan selepas dua tahun bergelut dengan penutupan dan sekatan pergerakan.</p> <p>Adakah STMKB meramalkan permintaan untuk takaful hayat dan takaful am kembali normal pada tahun kewangan 2023? Apakah panduan pengurusan yang berkaitan pertumbuhan caruman bagi takaful hayat dan takaful am?</p>
<p>Genting Malaysia Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan akan terus memberikan tumpuan untuk meningkatkan operasinya di Resorts World Genting kepada kapasiti prapandemik dan pada masa yang sama menambah baik penyampaian perkhidmatan dan penawaran produknya bagi meningkatkan kualiti pengalaman pengunjung. (Halaman 3, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Dalam segmen atau entiti manakah Kumpulan tidak beroperasi pada kapasiti penuh? Apakah anggaran tahap operasi semasa (dalam peratus, %) dan bilakah ia dijangka akan beroperasi pada kapasiti penuh?</p>
<p>LKL International Berhad (AGM)</p>	<p>Dalam tempoh kewangan berakhir 2022 (15 bulan), Kumpulan mencatatkan rugi sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (<i>loss before interest, tax, depreciation and amortisation, LBITDA</i>) berjumlah RM17.56 juta selepas mengambil kira pelarasan perakaunan bukan tunai untuk menurunkan nilai terhadap nilai saksama pelaburan disebut harga yang berjumlah RM12.80 juta serta kemerosotan dalam nilai boleh direalisasi bersih inventori sarung tangan nitril lama dalam simpanan berjumlah RM16.06 juta. Tanpa pelarasan perakaunan bukan tunai ini, Kumpulan mencatatkan perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (<i>earnings before interest, tax, depreciation and amortisation, EBITDA</i>) sebanyak RM11.30 juta bagi tempoh kewangan 15 bulan berakhir 2022 (Halaman 6, Laporan Tahunan 2022).</p>

	<p>a) Pelaburan disebut harga yang manakah terlibat dalam kerugian daripada penurunan nilai nilai saksama? Apakah rasional untuk memperoleh pelaburan yang disebut harga itu?</p> <p>b) Bagaimanakah Lembaga Pengarah mengurus risiko melabur dalam pelaburan disebut harga? Apakah dasar pelaburan Lembaga yang berkaitan pelaburan disebut harga? Bagaimanakah proses pemilihan syarikat penerima pelaburan?</p> <p>c) Bagaimanakah Lembaga merancang untuk menangani kemerosotan nilai boleh direalisasi bersih bagi inventori sarung tangan nitril yang sudah lama sebelum ia bertukar menjadi usang?</p>												
<p>Star Media Group Berhad (EGM)</p>	<p>1. SMG Land Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh Star Media telah memeterai perjanjian jual beli dengan Matang Berhad ("Matang") untuk melupuskan dua unit kilang dan bangunan pejabat di Star Business Hub ("Hartanah") dengan harga RM33 juta. Pertimbangan pelupusan Hartanah ini akan dipenuhi dengan cara berikut:</p> <table border="1" data-bbox="598 947 1385 1108"> <thead> <tr> <th>Mode of settlement</th> <th>(RM)</th> <th>(%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Consideration Shares</td> <td>28,881,300</td> <td>87.52</td> </tr> <tr> <td>Cash</td> <td>4,118,700</td> <td>12.48</td> </tr> <tr> <td>Total</td> <td>33,000,000</td> <td>100.00</td> </tr> </tbody> </table> <p>(halaman 37, Pekeliling bertarikh 16 Mei 2023 ("Pekeliling"))</p> <p>a) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan Star Media untuk menerima sebahagian besar pertimbangan pelupusan dipenuhi melalui saham Matang (87.52% daripada jumlah balasan pembelian) dan bukannya memilih untuk berurus niaga dengan tunai sepenuhnya?</p> <p>b) Star Media berhasrat untuk mengekalkan 13% kepentingan dalam Matang sebagai pelaburan strategik. Sebagai pemegang saham Matang, Syarikat akan terdedah kepada turun naik harga pasaran dan risiko kecairan yang berada di luar kawalan Syarikat. Tambahan pula, aliran pendapatan masa hadapan daripada pelaburan ini akan bergantung kepada pengisytiharan dividen daripada Matang, mengikut budi bicara mereka. Bukankah lebih baik jika syarikat menerima bayaran pendahuluan tunai yang mana Syarikat boleh menggunakan hasil tunai itu untuk membeli balik saham atau dimasukkan ke dalam simpanan tetap untuk memperoleh pendapatan faedah, yang mana kedua-duanya meningkatkan nilai pemegang saham?</p> <p>c) Mengapakah Star Media membuat keputusan untuk memilih Matang berbanding syarikat-syarikat perladangan lain untuk tujuan kepelbagaian? Apakah</p>	Mode of settlement	(RM)	(%)	Consideration Shares	28,881,300	87.52	Cash	4,118,700	12.48	Total	33,000,000	100.00
Mode of settlement	(RM)	(%)											
Consideration Shares	28,881,300	87.52											
Cash	4,118,700	12.48											
Total	33,000,000	100.00											

	<p>faktor unik yang menjadikan Matang sebuah syarikat yang dipilih untuk pelaburan?</p> <p>2. Cadangan Pelupusan dianggap sebagai urus niaga pihak berkaitan menurut Perenggan 10.08 Syarat-syarat Penyenaraian disebabkan kepentingan Pengarah tertentu dan pemegang saham utama Star Media dan Matang (Halaman 25, Pekeliling).</p> <p>a) Adakah Star Media melaksanakan tender terbuka untuk menerima sebut harga daripada pihak ketiga sebelum memuktamadkan urus niaga dengan Matang?</p> <p>b) Apakah langkah ketekunan wajar yang diambil oleh Star Media sebelum memilih Matang sebagai pembeli Hartanah tersebut?</p>															
<p>Guan Chong Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan Kumpulan berkembang secara konsisten sepanjang lima tahun lepas, daripada RM2.27 bilion pada tahun kewangan 2018 kepada RM4.42 bilion pada tahun kewangan 2022. Walau bagaimanapun, margin untung sebelum cukai (<i>profit before tax</i>, PBT) telah menyusut secara konsisten dalam tempoh yang sama, daripada 9.2% kepada 4.3%. Sehubungan itu, pulangan atas ekuiti (<i>return on equity</i>, ROE) merosot daripada paras tertinggi 28.5% pada tahun kewangan 2018 kepada 9.0% pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Apakah sebab utama penurunan margin PBT sepanjang tempoh ini?</p> <p>Apakah strategi Kumpulan untuk meningkatkan margin keuntungannya pada masa hadapan?</p> <p>Berapakah jumlah perbelanjaan modal Kumpulan sepanjang lima tahun lepas? Berapakah jumlah perbelanjaan modal yang dibajetkan bagi tahun kewangan 2023?</p>															
<p>Genting Berhad (AGM)</p>	<table border="1" data-bbox="587 1435 1402 1697"> <thead> <tr> <th></th> <th style="text-align: right;">Kumpulan 2022</th> <th style="text-align: right;">RM juta 2021</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kerugian rosot nilai – penghutang lain</td> <td style="text-align: right;">47.4</td> <td style="text-align: right;">11.8</td> </tr> <tr> <td>Rosot nilai/ (pembalikan) bersih bagi tahun kewangan</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>- penghutang perdagangan</td> <td style="text-align: right;">196.0</td> <td style="text-align: right;">(56.8)</td> </tr> <tr> <td>Hapus kira terhadap penghutang</td> <td style="text-align: right;">(415.2)</td> <td style="text-align: right;">(67.8)</td> </tr> </tbody> </table> <p>(Halaman 184, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>1. Apakah yang terkandung dalam penghutang lain dengan kerugian rosot nilai berjumlah RM47.4 juta? Mengapakah terdapat peningkatan besar dalam kerugian rosot nilai daripada RM11.8 juta pada tahun 2021 kepada RM47.4 juta pada tahun 2022? Adakah sebarang kerugian rosot nilai berjaya dipulihkan setakat ini dan apakah kebarangkalian untuk mendapatkan semula bakinya?</p>		Kumpulan 2022	RM juta 2021	Kerugian rosot nilai – penghutang lain	47.4	11.8	Rosot nilai/ (pembalikan) bersih bagi tahun kewangan			- penghutang perdagangan	196.0	(56.8)	Hapus kira terhadap penghutang	(415.2)	(67.8)
	Kumpulan 2022	RM juta 2021														
Kerugian rosot nilai – penghutang lain	47.4	11.8														
Rosot nilai/ (pembalikan) bersih bagi tahun kewangan																
- penghutang perdagangan	196.0	(56.8)														
Hapus kira terhadap penghutang	(415.2)	(67.8)														

	<p>2. Mengapakah terdapat kerugian rosot nilai yang besar berjumlah RM196.0 juta ke atas penghutang perdagangan pada tahun 2022? Adakah sebarang kerugian rosot nilai berjaya dipulihkan setakat ini dan apakah kebarangkalian untuk mendapatkan semula bakinya?</p>
<p>Malaysia Airports Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Pada November 2022, Malaysia Airports telah diberikan pajakan selama 99 tahun ke atas 8,537 ekar tanah di sekitar KUL (Tanah Aeropolis KLIA) oleh Kerajaan Malaysia (<i>Government of Malaysia, GoM</i>). Syarat-syarat pajakan yang mesra pelabur akan mengukuhkan keupayaan Malaysia Airports untuk memacu peluang di luar terminal di sekitar KUL dan menjaga nilai ekonomi jangka panjang untuk negara. (Halaman 21, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Apakah peluang di luar terminal yang sedang dirancang oleh Malaysia Airports untuk dibangunkan di atas tanah yang besar itu?</p> <p>b) Berapa peratuskah daripada peluang di luar terminal yang diunjurkan untuk menyumbang kepada prestasi barisan teratas dan garis bawah kumpulan dalam jangka sederhana hingga jangka panjang?</p> <p>c) Apakah beberapa projek luar terminal utama yang telah dibangunkan di KUL dan berapakah jumlah pendapatan berulang yang dijana setiap tahun daripada projek yang sudah siap di KUL?</p> <p>d) Malaysia Airports akan menjalankan semakan dan pindaan kepada pelan induk KLIA Aeropolis. Kelulusan Perintah Pembangunan daripada pihak berkuasa tempatan dijangka diperoleh pada tahun 2023 (Halaman 103, Laporan Tahunan 2022). Apakah semakan utama yang akan dibuat kepada pelan induk KLIA Aeropolis?</p>
<p>Frontken Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Fasa pertama kilang baharu Kumpulan (Loji 2) di Taman Sains Taiwan Selatan, Kaohsiung telah siap pada penghujung tahun 2022. (Halaman 14-15, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Apakah kadar penggunaan semasa dan bilangan pekerja untuk Loji 2?</p> <p>b) Adakah Kumpulan menjangkakan Loji 2 akan beroperasi pada kapasiti penuh pada tahun ini?</p> <p>c) Seperti yang dinyatakan pada tahun lepas, Kumpulan menjangkakan fasa 2 Loji 2 akan beroperasi pada suku ketiga tahun 2023. Adakah perancangan ini masih di landasan yang betul?</p> <p>d) Dilaporkan bahawa pembuat cip kontrak terbesar di dunia sedang memotong perbelanjaan modal berikutan permintaan yang semakin lemah. Adakah Frontken juga berdepan penurunan dalam permintaan?</p>

	e) Apakah prospek perniagaan semikon anda?
Leong Hup International Berhad (AGM)	<p>Dalam usaha untuk meningkatkan bekalan ayam pedaging ke pasaran Malaysia, kerajaan telah mengenakan larangan eksport ayam pedaging pada 1 Jun 2022, pada awalnya 100.0% tetapi kemudiannya diberikan kelonggaran dan dikurangkan kepada kira-kira 50.0% sejak 11 Oktober 2022. Sewaktu larangan eksport ayam pedaging sebahagiannya ditarik balik oleh kerajaan Malaysia, kuota eksport 50.0% bermakna operasi penyembelihan syarikat di Singapura beroperasi di bawah kapasiti reka bentuk.</p> <p>(Halaman 37, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Sila jelaskan mengapa operasi penyembelihan di Singapura beroperasi di bawah kapasiti reka bentuk selepas penarikan balik sebahagian daripada larangan eksport ayam pedaging? Selain itu, adakah kumpulan mengeksport lebih 50% ayam dagingnya ke Singapura sebelum larangan eksport?</p> <p>b) Sejauh manakah kumpulan berjaya memperoleh semula bahagian pasarnya di Singapura sebaik sahaja larangan eksport ditarik balik?</p> <p>c) Adakah larangan eksport ini menjejaskan eksport telur kumpulan ke Singapura?</p>
BSL Corporation Berhad (AGM)	<p>BSL merekodkan kerugian selepas cukai berjumlah RM10.2 juta bagi tempoh kewangan 16 bulan. Kerugian selepas cukai ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peruntukan yang dibuat bagi kes mahkamah kastam berjumlah RM11.1 juta dan pengiktirafan kerugian nilai saksama ke atas pelaburan lain berjumlah RM1.4 juta (Halaman 22, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Tanpa jumlah peruntukan yang besar bagi kes mahkamah kastam, BSL akan mencatatkan untung selepas cukai bagi tempoh tersebut.</p> <p>Apakah prospek prestasi kewangan pada tahun kewangan 2023? Adakah Lembaga Pengarah menjangkakan Syarikat akan kembali mencatatkan keputusan kewangan yang positif pada tahun kewangan 2023?</p> <p>b) Apakah langkah yang diambil oleh Lembaga Pengarah dan pengurusan bagi memastikan sebarang isu yang melibatkan kastam atau pihak berkuasa lain yang boleh memberi kesan material terhadap prestasi kewangan Kumpulan tidak akan berulang pada masa hadapan?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)
Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (clint.loh@mswg.org.my)
Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
-

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.